

MOH awasi Ebola

- Semua institusi perubatan kini berwaspada bagi kes-kes yang disyaki
- Agih maklumat kesihatan kepada warga yang baru pulang dari negara terjejas
- Sediakan maklumat terkini di laman web

SINGAPURA sedang meningkatkan langkah berjaga-jaga terhadap penularan Ebola, penyakit yang ketika ini menjadi wabak terburuk di Afrika Barat.

Kementerian Kesihatan (MOH) kini bekerjasama dengan Pengguna Penerbangan Awam Singapura (CAAS), Pengguna Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA) dan Changi Airport Group (CAG) untuk mengagihkan maklumat kesihatan kepada warga yang baru pulang daripada negara-negara terjejas di pusat-pusat pemeriksaan udara dan darat mulai semalam.

Makluman itu menasihatkan pelancong yang berasa kurang sihat dengan jangkitan demam panas secara tiba-tiba, sakit perut, cirit-birit, muntah, gatal-gatal atau pendarahan dalam tiga minggu selepas ke kawasan terjejas di Afrika Barat agar segera berjumpa doktor di mana-mana klinik perubatan di Singapura.

Pesakit juga diingatkan agar memberitahu doktor tentang sejarah perjalanan mereka.

MOH menerusi kenyataannya semalam berkata pihaknya terus memantau keadaan Ebola di Guinea, Liberia, Sierra Leone dan Nigeria di Afrika Barat bagi memastikan kesihatan awam dilindungi.

Menurut MOH, risiko virus itu merebak ke Singapura adalah rendah kerana virus Ebola dijangkiti menerusi sentuhan langsung dengan cecair badan mereka yang dijangkiti.

Ketika ini wabak tersebut terhad kepada Afrika Barat dan keterkaitan pelancongan antara Singapura dengan Afrika Barat adalah rendah.

Namun, kementerian itu berkata kemungkinan kes Ebola diimport atau dibawa masuk ke negara ini tidak boleh diketepikan.

Sebagai persiapan, MOH berkata semua hospital, klinik dan doktor telah dimaklumkan agar sentiasa berjaga-jaga terhadap

kes-kes yang disyaki.

“Hospital awam kami juga mempunyai langkah-langkah mengawal jangkitan yang berpatutan. Kes-kes yang disyaki disisih di jabatan kecemasan, dan sebagai langkah berjaga-jaga, diasingkan daripada pesakit lain untuk mengurangkan sebarang risiko jangkitan. Langkah-langkah telah disediakan untuk melakukan kuarantin dan pengeisanan kontak jika terdapat kes di Singapura,” kata MOH.

Selain itu, MOH berkata ia akan meletakkan poster makluman kesihatan di dewan ketibaan di Lapangan Terbang Changi untuk menasihatkan pelancong yang baru tiba agar mendapatkan rawatan perubatan jika mereka mengalami simptom di atas.

Sebelum ke luar negara, MOH menggalak orang awam mengunjungi laman MOH mengenai wabak Ebola untuk mendapatkan makluman kesihatan terkini.

Orang ramai juga digalak menundakan rancangan mereka ke tempat-tempat terjejas jika ia tidak perlu.

Sementara itu, orang ramai yang perlu melancong dinasihat mengamalkan langkah berjaga-jaga seperti kerap mencuci tangan; elak menyentuh darah atau cecair badan daripada manusia atau binatang; elak menyertai upacara pengebumian yang memerlukan sentuhan langsung dengan mayat orang yang dijangkiti; dan elak menyentuh binatang liar.

Pelancong yang baru pulang daripada negara-negara yang terjejas atau mengesyaki diri mereka terdedah kepada virus Ebola harus segera mendapatkan rawatan perubatan jika mengalami sebarang simptom virus tersebut semasa melancong atau dalam tiga minggu selepas berada di kawasan terjejas.

KRISIS EBOLA

MENGENAI EBOLA

Penyakit demam berdarah yang berpuncadari padajangkitanvirus. Virus ini barusahaja di kenal pasti dan dianggap sebagai suisutuvirus penyakit yang amat berbahaya di dunia. Ebola mudah berjangkit dan boleh membawa maut. Muladi kesan pada awal 1976 di Yambuku, Zaire berdekatan sungai Ebola.

SIMPTOM

Kelihanatan pada duahingga 21 hari selepas mangsa dijangkiti. Apabila virus tersebut mebak melalui sel badan, ia merosakkan sistem imun dan organ badan. Ebola menyebabkan pembekuan seleradarah, yang dipanggil platelet, jatuh, menyebabkan pendarahan yang teruk.

Tanda-tanda awal simptom Ebola kelihatan seperti selesa mendan penyakit ringan yang lain

- Demam
- Sakit kepala
- Sakit otot
- Sakit kak
- Lemah Tubuh Badan
- Cirit-birit

Apabila jangkitan bertambah teruk

- Pendara handal dalam dan luar badan
- Ruam
- Masalah pernafasan

Simptom hampir sama dengan Ebola seperti

- Taun, Hepatitis, Malaria, Meningitis, Demam Kepialu

RAWATAN

Sehingga ke hari ini belum ada vaksin dan rawatan khusus untuk Ebola.

MENGELAK JANGKITAN

- Elak daripada berada di kawasan disyaki virus Ebola di temui
- Menggunakan PPE (Peralatan Perlindungan Diri) yang lengkap dan bersesuaian apabila merawat pesakit yang dijangkiti Ebola
- Virus ini berjangkit melalui sentuhan haban dan air yang masuk kencing, darah dan juga sperma dan virus yang dijangkiti melalui sperma pulama dan pubertahan aktif selama tujuh minggu.



kecuali serupa menghadapi demam flu. Ini menunjukkan jangkitan virus ini sukar dikesan. Apabila seseorang itu disahkan mengidapi virus Ebola, ia sudah terlewati.”

– Dr Abdul Razakjr Omar, pakar jantung di Hospital Raffles

Virus bawa maut

► CHAIRUL FAHMY HUSSAINI

chairul@sph.com.sg

PENULARAN virus Ebola adalah sesuatu yang sangat berbahaya, dengan pesakit yang menghidapi virus itu menghadapi risiko kematian.

Ini kerana kadar kematian wabak itu ketika ini mencecah 60 peratus, walaupun virus Ebola sebenarnya boleh meragut hingga 90 peratus nyawa yang menghadapinya.

“Paling membimbangkan, pengidap virus ini tidak menunjukkan sebarang tanda jelas, kecuali serupa menghadapi demam flu. Ini menunjukkan jangkitan virus ini sukar dikesan.”

Demikian dijelaskan kepada *Berita Harian* oleh pakar jantung di Hospital Raffles, Dr Abdul Razakjr Omar, semalam.

Tambahnya, lagi apabila seseorang pesakit disyaki menghadapi virus Ebola, pesakit berkenaan perlu diasingkan, yakni dikuarantin sehingga sebulan lamanya.

“Apabila seseorang itu disahkan menghadapi virus Ebola, ia sudah terlewati,” katanya lagi.

Tambah beliau lagi, penularan virus Ebola lebih berbahaya berbanding Sindrom Pernafasan Timur Tengah (Mers) yang menular daripada binatang ke manusia.

“Virus Mers menular daripada binatang, seperti unta, ke manusia tetapi ia tidak begitu mudah berjangkit. Ebola amat mudah berjangkit,” kata Dr Abdul Razak lagi.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), jumlah kematian akibat penularan virus Ebola di Afrika Selatan meragut 932 nyawa.

Perangkaan terbaru ini dicatatkan sedang Nigeria mengesahkan kematian seorang jururawat akibat Ebola.

Arab Saudi pula mengumumkan satu kematian yang mempunyai tanda-tanda dijangkiti virus Ebola.

Penularan Ebola mula dikesan Mac lalu di Guinea dan ia tidak menunjukkan tanda akan reda.

Kebanyakan kematian baru dicatatkan berlaku di Liberia dan Sierra Leone.

Catatan WHO sehingga 4 Ogos lalu menunjukkan, sejumlah 363 kematian berlaku di Guinea dan 282 pula di Liberia, sementara 286 lagi di Sierra Leone.

WHO menyifatkan penyakit virus Ebola merupakan salah satu penyakit paling getir di dunia.

“Jangkitan boleh berlaku secara hubungan langsung menerusi darah, cecair badan dan tisu daripada binatang atau orang yang menjangkitinya.

“Pesakit yang mengalami sakit teruk memerlukan sokongan penjagaan rapi. Semasa berlaku penularan, mereka yang menghadapi risiko besar dijangkiti virus ini adalah pekerja kesihatan, anggota keluarga dan orang lain yang berhubung dekat dengan pesakit dan pesakit yang meninggal dunia,” menurut pertubuhan itu di laman rasminya.

Tambah WHO lagi, penyakit virus Ebola ini boleh meranapkan keluarga dan masyarakat tetapi jangkitannya boleh dikawal menerusi pelaksanaan langkah-langkah perlindungan di klinik dan hospital, di tempat di mana masyarakat berkumpul dan di rumah.

Dr Abdul Razakjr menekankan bahawa soal penularan virus Ebola adalah serius memandangkan Singapura merupakan sebuah negara yang bersifat terbuka.

“Singapura mengamalkan dasar ekonomi terbuka, orang dari dalam dan dari mana-mana pelosok dunia keluar masuk negara ini tanpa henti.

“Apatah lagi, penerbangan dari Afrika ke Singapura mengambil masa kurang sehari. Oleh itu, kawalan di sempadan negara perlu diperketatkan bagi kemasukan orang dari benua itu ke negara ini.

“Tetapi Singapura saya yakin telah membuat persiapan rapi hasil pengalaman lalu semasa menghadapi penularan virus Sindrom Sesak Nafas Mendadak (Sars). Apapun, paling penting adalah untuk rakyat dan pekerja kesihatan meningkatkan kewaspadaan,” katanya.